



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 10/2010 (7 hingga 13 Mac 2010)

Sepanjang minggu ke-10 yang berakhir pada 13 Mac 2010, sejumlah 1,039 kes denggi dilaporkan, menurun sedikit (3%) berbanding 1,074 kes pada minggu sebelumnya. Walaubagaimana pun, tiga negeri menunjukkan peningkatan kes yang agak tinggi iaitu WP Kuala Lumpur/Putrajaya, Sarawak dan Johor (Lampiran A)

Sepanjang tempoh yang sama, empat (4) kematian telah dilaporkan iaitu tiga (3) di Selangor dan satu (1) di Kelantan, kesemuanya disebabkan oleh komplikasi "*Dengue Shock Syndrome*". Kesemua kes-kes kematian ini berlaku di kawasan wabak denggi atau di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi (1.6% hingga 5.6%).

Masalah tempat pembiakan Aedes yang tinggi masih berterusan di kawasan "hot spot" (Lampiran D). Ini menunjukkan masyarakat setempat masih lagi tidak menunjukkan keprihatinan terhadap masalah denggi di kawasan masing-masing. Hanya 26% aktiviti gotong-royong daripada jumlah yang disasarkan berjaya dilaksanakan di kawasan-kawasan tersebut sepanjang minggu lepas.

Kementerian ingin menegaskan bahawa, masalah denggi tidak akan dapat dikawal tanpa kerjasama dari orang ramai. Semburan racun serangga hanya membunuh nyamuk dewasa yang sediada. Selagi

terdapat tempat pembiakan, nyamuk dewasa baru akan muncul dan menyebarkan penyakit. Oleh itu amat penting bagi masyarakat memainkan peranan dengan memusnahkan tempat-tempat pembiakan Aedes.

Bagi mereka-mereka yang mengalami gejala demam denggi hendaklah segera mendapatkan rawatan supaya penilaian dapat dilakukan samada rujukan perlu dibuat untuk mendapatkan rawatan di hospital. Tindakan awal dapat mengelakkan berlakunya komplikasi dan kematian. Para pengamal perubatan yang mengendalikan kes hendaklah juga segera melaporkan kes-kes denggi yang **disyaki** ke Pejabat Kesihatan berdekatan, supaya tindakan kawalan dapat diambil segera bagi mengekang perebakan jangkitan denggi.

Bagi Penyakit Chikungunya, sejumlah 15 kes Chikungunya telah dilaporkan pada minggu lepas, menunjukkan penurunan sebanyak 6% berbanding dengan minggu sebelumnya iaitu 16 kes. Majoriti kes iaitu 10 kes dilaporkan dari Sarawak, manakala Sabah 2 kes, P.Pinang, Selangor dan WP Labuan masing-masing 1 kes. Terdapat 2 lokaliti wabak dilaporkan yang juga berlaku di Sarawak.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

16 Mac 2010

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2010
(7 hingga 13 Mac 2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2010	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 10/2009
		Minggu 10 (7 – 13 Mac 2010)	Minggu 9 (28 Feb – 6 Mac 2010)		
1	Perlis	0	4	29	33
2	Kedah	9	14	92 (1)	291
3	P. Pinang	24	23	262 (2)	602
4	Perak	46	65	330	1,068
5	Selangor	467 (3)	496 (2)	4,827 (22)	6,288 (21)
6	WPKL & Putrajaya	169	154	1,083 (2)	1,062 (5)
7	N. Sembilan	32	31	523 (1)	209 (2)
8	Melaka	10	4	88 (1)	150
9	Johor	59	45 (1)	587 (1)	593 (2)
10	Pahang	33	38	278 (1)	266 (1)
11	Terengganu	18	23	230	272
12	Kelantan	27 (1)	28	198 (1)	367
13	Sarawak	106	100	1,424 (5)	450
14	Sabah	39	49	504 (1)	244 (1)
15	WP Labuan	0	0	7	9
	Jumlah	1,039 (4)	1,074 (3)	10,462 (38)	11,904 (32)

Nota: () Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 10/2010 BERBANDING MINGGU
SEBELUMNYA (9/2010)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1-10 Tahun 2010	Jumlah Terkumpul Minggu 1- 10 Tahun 2009
		Minggu 10 (7 – 13 Mac 2010)	Minggu 9 (28 Feb – 6 Mac 2010)		
1	Perlis	0	0	0	14
2	Kedah	0	0	0	30
3	P. Pinang	1	0	2	47
4	Perak	0	0	1	210
5	Selangor	1	0	11	231
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	58
7	N. Sembilan	0	0	0	23
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	1	91
10	Pahang	0	0	1	53
11	Terengganu	0	0	1	31
12	Kelantan	0	0	2	246
13	Sarawak	10	16	415	1
14	Sabah	2	0	6	0
15	WP Labuan	1	0	7	0
	MALAYSIA	15	16	447	1,035

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 13 MAC 2010 (Mg 10)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPSJ	PJS 9	17	116
2	SELANGOR	MBPJ	Flat Desa Mentari PJS 6	24	106
3	SELANGOR	MPSJ	SS 18	63	92
4	SELANGOR	MPSJ	USJ 2	18	83
5	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	67	82
6	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Ayu Seksyen 4 Bandar Baru Bangi	39	76
7	SELANGOR	MPAJ	AU5D Taman Keramat (Zon A)	9	67
8	SELANGOR	MBPJ	Mentari Court PJS 8	23	65
9	SELANGOR	MPSJ	SS 14	22	64
10	SELANGOR	Gombak	Kg Desa Aman	27	63
11	SELANGOR	Hulu Langat	Kuarters Penjara	20	62
12	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 9	17	59
13	SELANGOR	MBPJ	Apartment Suria Mas PJS 10	10	57
14	SELANGOR	MBPJ	Flat Desaria PJS 5	34	55
15	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 1 Bandar Rinching	9	48
16	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D	10	47
17	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	11	47
18	SELANGOR	MBPJ	Flat Taman Sri Manja PJS 3	13	46
19	SELANGOR	MPAJ	Taman Melawati (Zon 5)	17	45
20	SELANGOR	MPSJ	Bandar Kinrara (6)	10	45
21	SELANGOR	Hulu Langat	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	14	44
22	SELANGOR	MBPJ	Sri Manja Court PJS 3	16	43
23	SELANGOR	MPSJ	Taman Sedang Perdana (SP 5)	18	40
24	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya (Zon A)	9	39
25	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Cheras Awana	10	39

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
26	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Rinching	9	37
27	SELANGOR	MPAJ	Taman Bukit Teratai (Zon C)	12	37
28	SELANGOR	MPSJ	PJS 11	11	36
29	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon A)	9	35
30	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin	5	33
31	SELANGOR	Sepang	Apartment Rista Villa	5	33
32	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru K5	7	31
33	SELANGOR	MPSJ	Pusat Bandar Puchong (Jalan Wawasan)(2)	9	30
34	SELANGOR	MBSA	Subang Suria & Hijauan Seksyen U5	7	30
35	WPKL	CHERAS	PPR Taman Mulia	22	67
36	WPKL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	13	61
37	WPKL	CHERAS	Flat Sri Melaka.	7	39
38	WPKL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4-10)	15	60
39	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Kuang, Teratai, Menara Merak kayangan.	15	51
40	WPKL	SETAPAK	Keramat Wangsa Kelumpuk Sunding Malam Bunga Raya	5	37
41	WPKL	PUSAT BANDAR	Bandar Baru sentul (Menara Orkid)	16	57
42	WPKL	PUSAT BANDAR	Flat Sri selangor	62	45
43	WPKL	KLANG LAMA	PPR Kg Limau	9	40
44	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong.	41	84
45	JOHOR	MBJB	Larkin Jaya, Bandaraya	12	40
46	JOHOR	MBJB	Kg Melayu Majidee, Bandaraya	8	48
47	JOHOR	MPJBT	Taman Pelangi Indah Flat Jalan Cantik, Tebrau.	17	55
48	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	8	31
49	JOHOR	MBJB	Kondo Bukit Saujana Bandaraya JB	14	57

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
50	JOHOR	MBJB	Taman Scientex Jalan Serindit, Pelentong	13	75
51	SARAWAK	MIRI	Kg Baru Jalan Anting 2	40	76
52	SARAWAK	MIRI	Pujut Tanjung Batu, Lorong 1C	17	89
53	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	15	100
54	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	13	95
55	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Marida, Senawang	11	41
56	N.SEMBILAN	Seremban	Blok C Ampangan	6	40
57	N.SEMBILAN	Seremban	Taman Rasah Jaya F 1	8	33
58	N.SEMBILAN	Seremban	Apartment Desa Palma	5	35
59	PAHANG	Kuantan	Taman Cenderawasih	22	40
60	PERAK	Batang Padang	Kg Baru ColdStrem, Bidor	7	33
61	TERENGGANU	KKM	Kampung Buluh Gading	37	40
62	TERENGGANU	KKM	RAKR Telaga Daeng	15	36

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN
NYAMUK AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 10**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon /PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 9	25.0	50
2	WP KL	PUSAT BANDAR	Flat Sri Selangor	21.0	21
3	WP KL	CHERAS	PPR Desa Tun Razak	13.0	13
4	WP KL	SETAPAK	Taman Setapak Jaya (Jalan Rejang 4 - 10)	13.0	15
5	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Desa Aman	11.1	31
6	SELANGOR	GOMBAK	Selayang Baru K5	10.0	10
7	N.SEMBILAN	SEREMBAN	Apartment Desa Palma	10.0	10
8	JOHOR	MBJB	Taman Kenanga, Tebrau	8.9	9
9	SELANGOR	MPSJ	SS 18	8.3	8
10	SELANGOR	MPAJ	AU5D Taman Keramat (Zon A)	8.3	8
11	SELANGOR	HULU LANGAT	Pangsapuri Sri Ayu Sek 4 Bandar Baru Bangi	4.9	5
12	SARAWAK	MIRI	Piasau Utara Lorong 3B	5.0	5
13	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Jasmin	3.6	32
14	SELANGOR	MPSJ	USJ 2	3.0	3
15	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang Jaya	2.9	3
16	JOHOR	MBJB	Larkin Jaya, Bandaraya	2.6	3
17	SELANGOR	MBSA	Kolej Jati	2.4	2
18	JOHOR	MPJBT	Taman Desa Cemerlang Rumah Pangsa, Pelentong	2.4	2
19	SELANGOR	HULU LANGAT	Apartment 16C Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	2.3	2
20	SELANGOR	MBPJ	Apartment Suria Mas PJS 10	2.3	2
21	N.SEMBILAN	SEREMBAN	Taman Marida, Senawang	2.3	2
22	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 2 Bandar Rinching	2.2	22
23	SELANGOR	MBSA	Seksyen 7D	2.1	2
24	JOHOR	MBJB	Kg. Melayu Majidee, Bandaraya	2.1	2
25	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 1 Bandar Rinching	1.8	4

Bil.	Negeri	Daerah/Zon /PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
26	NEGERI SEMBILAN	SEREMBAN	Blok C Ampangan	1.8	4
27	PAHANG	KUANTAN	Taman Cenderawasih	1.8	4
28	SARAWAK	BINTULU	Bandar Baru Bintulu	1.5	2
29	SELANGOR	MPSJ	USJ 11	1.4	1
30	JOHOR	MBJB	Taman Scientex Jalan Serindit, Pelentong	1.0	1